

06 JAN 1997

Mampu-Standard

MAMPU CADANG LAPAN LANGKAH BAGI PERKHIDMATAN AWAM CAPAI ISO 9000

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Unit Pemodenan Tabdiran Malaysia (Mampu) mencadangkan lapan langkah pelaksanaan bagi perkhidmatan awam negara mencapai standard ISO 9000 menjelang tahun 2000.

Ketua Pengarahnya Datuk Dr Muhammad Rais Abdul Karim berkata langkah itu termasuk membina komitmen pengurusan atasan, mengenal pasti proses utama bagi pelaksanaan ISO 9000, memberi latihan kemahiran kepada pasukan pelaksana dan menjalankan analisis jurang perbezaan.

Yang lain ialah menyediakan dokumen-dokumen ISO 9000, melatih pegawai dan kakitangan melaksana prosedur yang didokumenkan, melaksanakan ISO 9000 dan pengiktirafan dan persijilan.

"Langkah-langkah yang dicadangkan itu merupakan batu loncatan yang perlu diawasi dan dikesan pencapaiannya oleh semua agensi kerajaan dengan komitmen serta penglibatan sepenuhnya pengurusan atasan memainkan peranan yang penting," katanya.

Muhammad Rais berkata demikian dalam kertas kerja bertajuk Cadangan Langkah-langkah Pelaksanaan MS ISO 9000 Di Agensi Kerajaan, yang dibentangkan pada Simposium Kebangsaan MS ISO 9000 selama dua hari bermula hari ini. Ia dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Muhammad Rais berkata dalam standard ISO 9000, tanggungjawab pengurusan merupakan elemen pertama yang perlu diberi perhatian dengan pengurusan atasan tidak boleh mewakili tanggungjawab kepada pegawai bawahan.

Pengurusan atasan juga dikehendaki menyediakan sumber yang perlu untuk pencapaian dasar dan objektif kualiti itu, katanya.

Beliau berkata setiap agensi perlu memilih sekurang-kurangnya satu proses utama untuk tujuan melaksanakan ISO 9000 mulai 8 Jan dan seterusnya menentukan skop pelaksanaan standard itu bagi proses yang dipilih.

Katanya, menjelang tahun 2000, setiap agensi kerajaan dijangka melaksanakan ISO 9000 bagi sekurang-kurangnya satu proses utama mereka

"Dijangkakan ISO 9000 akan dilaksanakan dalam lebih kurang 781 proses utama kementerian, Jabatan Pesekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri, pejabat daerah dan tanah dan jabatan negeri dan badan berkanun," katanya.

Beliau berkata pelaksanaan ISO 9000 tidak boleh dianggap mudah dan ia tidak selesai selepas sesebuah agensi kerajaan berjaya mendapat pengiktirafan dan diberikan sijil MS ISO 9000. Sebaliknya ia merupakan titik permulaan bagi usaha peningkatan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan. -- BERNAMA

NHD NMO